


Peratusan Naib Canselor

PROFESOR DATO' DR. NIK MUSTAPHA BIN R. ABDULLAH




**Mencorak DIMENSI Baru
SERDANG**

29 Januari 2007 • Dewan Besar PKKSSAAS UPM



| | |
|---|----|
| Pemula kata | 2 |
| Menelusuri kejayaan | 8 |
| Melangkaukekangan | 14 |
| Mencorak universiti penyelidikan | 20 |
| Memantapkan pengurusan sumber manusia | 28 |
| Memperkasa pendidikan pascasiswazah | 34 |
| Kelangsungan matlamat melahirkan graduan berkualiti | 40 |
| Universiti kita tanggungjawab kita | 48 |
| Cabarani 2007 | 54 |
| Penutup bicara | 60 |

Mencorak **DIMENSI** Baru **SERDANG**



Pemula kata




Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanallahu Taala kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya telah mengizinkan kita untuk bersama-sama dalam Majlis Perutusan Tahun Baru 2007 ini. Terima kasih kepada Jawatankuasa Pelaksana yang berusaha dengan penuh komitmen untuk menjayakan majlis ini, juga kepada semua yang dapat hadir ke majlis ini. Saya kira kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian menunjukkan komitmen dan sokongan tuan-tuan dan puan-puan sekalian bukan sahaja kepada saya sebagai Naib Canselor, tetapi sebenarnya jauh lebih bermakna, iaitu iltizam kecapaian wawasan universiti.



Tahun 2006 baru sahaja meninggalkan kita. Ia begitu besar maknanya bagi saya. Terjemahan kepada makna yang besar ini tidak berakhir di situ sehingga kita lewati tahun 2007. Tahun 2007 hadir dengan penuh keazaman bagi membangkitkan aspirasi baru dalam kita mencipta kegemilangan Universiti Putra Malaysia. Saya menjangkakan banyak perkara dan perubahan yang akan berlaku pada tahun ini. Apatah lagi kita baru sahaja mengorak langkah sebagai satu daripada empat universiti yang diberi pengiktirafan sebagai Universiti Penyelidikan di negara ini.






Pengiktirafan sebagai Universiti Penyelidikan seharusnya menjadi tonik kepada usaha kita dalam mengurus kejayaan tahun 2007. Universiti Penyelidikan ini harus kita garapkan bersama-sama matlamat menjadi universiti bereputasi antarabangsa yang secara langsung akan melonjakkan UPM dalam penarafan universiti dunia. Bukan sekadar itu, kita perlu membina acuan sendiri sejajar dengan aspirasi negara untuk menjadi Universiti Penyelidikan bereputasi antarabangsa.

Universiti Penyelidikan juga seharusnya membawa impak yang besar kepada pengajaran dan pembelajaran siswazah kita. Hasil dan dapatan penyelidikan yang diperoleh wajar digunakan sebagai bahan pengajaran yang boleh memberi faedah kepada pelajar-pelajar kita. Dengan demikian mereka akan memperoleh ilmu yang baru dan mendahului pelajar-pelajar universiti lain. Natijah daripada usaha ini sudah tentu akan memberi nilai yang lebih besar kepada

siswazah kita dan membentuk kredibiliti akademik mereka dalam persaingan kerjaya yang semakin mencabar.

Hasil penyelidikan ini juga perlu memenuhi ruang di perpustakaan kita. Saya kira ini sangat wajar kerana kutubkhanah kita perlu menyimpan segala penulisan hasil penyelidikan. Ini akan memudahkan proses rujukan dibuat sama ada oleh penyelidik mahupun pelajar. Oleh yang demikian, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) perlu bersedia untuk melaksanakan peranan ini. Peruntukan akan diberikan kepada PSAS untuk tujuan menaik taraf infrastrukturnya selain daripada menyediakan bahan bacaan terkini yang boleh menjadi rujukan dalam mempertingkat ilmu pengetahuan. Perpustakaan kita juga perlu lengkap dengan segala kemudahan terkini sejarah dengan statusnya sebagai perpustakaan di Universiti Penyelidikan.






A black and white photograph of a man in a suit, seen from the side and slightly from behind. He is looking down at a small red globe or sphere. The background is dark and textured.

Menelusuri
kejayaan



Kalau ditelusuri tahun 2006 dan sebelumnya, kita sebenarnya telah mencipta banyak kejayaan. Kedudukan UPM yang bertambah baik di tangga 292 berbanding 394 pada tahun sebelumnya dalam Penarafan Universiti Dunia 2006 oleh Times Higher Education Supplement (THES), memberikan gambaran peningkatan kejayaan yang telah kita capai. Pun begitu peningkatan ini tidak bermakna kita sudah boleh berpuas hati dengan pencapaian sedia ada.



Kita boleh menerima atau tidak kriteria yang telah digunakan oleh pihak Times Higher Education. Realitinya, penilaian tersebut merupakan satu persepsi atau tanggapan pihak antarabangsa terhadap kedudukan kita pada masa kini dan harus diterima secara positif untuk bergerak maju ke hadapan di persada antarabangsa. Walau apapun kriteria yang digunakan, kita dapat lihat bahawa kedudukan sepuluh teratas merupakan universiti yang sememangnya menonjol dalam sumbangan mereka kepada institusi kesarjanaan. Oleh itu, saya merasakan bahawa kejayaan itu memang telah hadir di depan mata tetapi kita belum lagi menggenggamnya dengan erat. Jika gagal menggenggam erat kejayaan yang hadir di depan mata ini, kita perlu menerima hakikat bahawa ia boleh terlepas dan berlalu pergi begitu sahaja.



Pada masa ini kita telah punya konsep yang jelas. Konsep sebagai universiti yang mengambil peranan sebagai peneroka kecemerlangan negara telah jelas dan ampuh. Konsep ini semakin kukuh bila kita melepassi audit sebagai Universiti Penyelidikan. Demikian juga halnya dengan sokongan kewangan yang telah mantap. Pemberian geran penyelidikan fundamental yang tertinggi oleh Kementerian Pengajian Tinggi kepada UPM iaitu sebanyak RM16.8 juta seharusnya menyelesaikan sebahagian besar daripada kekangan kita. Dalam bidaan bagi Dana Sains (Science Fund) kita telah berjaya mengetengahkan sebanyak 311 projek penyelidikan dan seterusnya memperoleh dana sebanyak RM48.9 juta. Walaupun kita telah berjaya memperoleh geran penyelidikan yang tertinggi dalam kalangan IPTA, berdasarkan kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan, masih banyak ruang yang kita boleh sama-sama tingkatkan. Jika berjaya mencapai KPI tersebut, kita mempunyai potensi dan kelebihan berbanding (comparative advantage) bagi mendapatkan lebih banyak geran atau peruntukan daripada pelbagai agensi kerajaan atau swasta mahupun dari badan antarabangsa yang berminat dengan hasil dan

dapatkan penyelidikan yang kita laksanakan. Kita juga perlu berusaha dengan lebih gigih bagi mendapatkan dana daripada pihak swasta dari dalam dan luar negara sebagai usaha meningkatkan lagi aktiviti penyelidikan dan sumbangan kesarjanaan di peringkat yang lebih luas dan global. Kita perlu menguruskan penyelidikan dengan sempurna agar bantuan yang disalurkan itu mencapai ekspektasinya.


Penghargaan yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada UPM merupakan sesuatu yang paling berharga. Pengiktirafan ini diberikan ketika UPM menyambut Perayaan Sambutan Jubli Intan 75 Tahun UPM. Ini menjadikan kejayaan 2006 sebagai cukup manis dan bermakna kepada kita. Kalau direnung kembali, kita telah menyambut Jubli Intan sempena 75 tahun UPM dengan pengisian program yang sangat signifikan dengan taraf kita sebagai sebuah universiti. Acara-acara yang dilaksanakan termasuklah membawa Nobel Laureate dan duta-duta asing ke UPM, seminar-seminar peringkat antarabangsa, dan aktiviti-aktiviti lain telah menampakkan kemajuan dan reputasi kita sebagai universiti bertaraf antarabangsa.

Saya akui bahawa kita telah berjaya meningkatkan prestasi dan kecemerlangan UPM di peringkat antarabangsa. Penyelidik-penyalidik kita telah mengharumkan nama universiti dalam setiap pertandingan dan pameran penyelidikan yang dijalankan sama ada di dalam maupun luar negara. Pingat-pingat telah berjaya dibawa balik sebagai bukti kejayaan yang kita peroleh dalam bidang penyelidikan. Saya percaya bahawa kecemerlangan UPM adalah hasil daripada penggembangan tenaga semua warga kerja UPM tanpa mengira peringkat dan pangkat. Semangat kerja berpasukan dan usaha gigih setiap individu dalam menjayakan misi dan visi universiti menjadi sandaran kepada kecapaian kita. Saya berharap sumbangan dan semangat ini terus dikekalkan dan ditingkatkan dalam kalangan warga universiti bagi mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

Kepercayaan yang diberikan negara kepada kita sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian tidak disia-siakan, sebaliknya kita menyusun gerak untuk terus memperkaya bidang pertanian. Usaha-usaha dilakukan dengan memberi tumpuan kepada bidang ini melalui

Fakulti Pertanian, Taman Pertanian Universiti dan penubuhan beberapa institut dan pusat yang menjurus kepada pembangunan pertanian. Ini telah menampakkan potensi yang jelas bahawa bidang pertanian akan mewarnai dimensi Serdang dan memenuhi ekspektasi negara.

Menelusuri kejayaan 2006, saya begitu optimis bahawa sebenarnya kita boleh mencapai matlamat yang telah ditetapkan itu. Kejayaannya jelas di hadapan mata, menunggu masa untuk digapai sahaja. Inilah masanya untuk kita bentes segala kekangan yang ada supaya tidak terlepas daripada menikmati kejayaan yang telah diusahakan selama ini.





Melangkau
kekangan



Kekangan dalaman seperti infrastruktur dan pengurusan sumber manusia sedikit sebanyak mengganggu kelancaran usaha kita. Kita dapat melihat dalam pengurusan sumber manusia, masih terdapat ruang untuk ditingkatkan keberkesanannya. Kepimpinan pada peringkat pengurusan dan pegawai kanan universiti seharusnya menggembung komitmen secara kolektif. “Effective organisational leadership is more about managing the journey of change than announcing the destination” (Ken Blanchard: *Leading at a Higher Level*). Kepimpinan universiti pada semua peringkat harus memainkan peranan dalam memastikan setiap misi dan visi universiti dapat diterjemahkan kepada perancangan dan pelan tindakan secara efektif.



Kita harus berkongsi misi dan visi universiti dengan semua staf di samping bersikap responsif terhadap keperluan mereka untuk mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif demi kecemerlangan universiti. Seharusnya kita sedar dan insaf bahawa kewujudan kita dalam universiti ini adalah dengan menjunjung amanah rakyat. Tanggungjawab yang digalaskan kepada kita sangat besar dalam membina dan memperkuuh kekayaan negara.



Kita sebenarnya bersama dalam satu pasukan tetapi adakalanya dari segi haluan kita berbeza-beza. Keadaan ini boleh merencatkan usaha kita untuk mencapai matlamat yang telah digariskan secara bersama. Oleh sebab matlamat kita telah meletakkan limitasi masa untuk pencapaiananya, maka kita tidak mahu membuang masa dengan menyelesaikan konflik dan kritikan-kritikan semberono atau layangan-layangan rumus yang tidak ada asasnya. Budaya ini perlu dibasmi dengan segera agar tidak menjadi barah yang boleh merosakkan keharmonian organisasi universiti.

Rombakan dalam sumber manusia juga telah kita laksanakan sama ada pada peringkat pimpinan akademik maupun pentadbiran dan sokongan. Beberapa pegawai kanan baru

dilantik dan penstrukturran ini diasaskan daripada pengurusan sumber manusia dengan meletakkan modal insan di tempat yang betul. Kita mengambil kira kekuatan yang ada bagi memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Walaupun demikian, dalam kesungguhan mencapai kecemerlangan ini, kita tidak terlepas daripada kekangan yang sedikit menggugat laluan dalam usaha dan tindakan kita.

Penggunaan sumber dengan optimum perlu dijadikan fokus dalam menguruskan kejayaan kita. Saya melihat kekangan kepada kejayaan boleh berlaku jika sumber tidak digunakan secara optimum. Ini termasuk penggunaan sumber manusia dan ruang yang ada dalam universiti ini. Ruang yang sedia ada dalam universiti ini mesti mencapai kapasiti penggunaan yang optimum dan tidak dibazirkan.

Budaya kerja perlu diubah. Kita tidak boleh bekerja hanya sekadar untuk memperlihatkan bahawa kita bekerja tetapi lebih jauh daripada itu. Kita perlu bekerja dengan jiwa dan raga bagi mencapai iltizam dan tekad untuk mencapai wawasan universiti. Kita perlu sentiasa berusaha untuk melaksanakan sesuatu tanggungjawab dengan standard kualiti yang tinggi serta mencari kaedah dan pendekatan baru yang ternyata lebih baik untuk meningkatkan produktiviti. Sekiranya budaya kerja ini tidak diubah dan kita masih berada pada tahap lama maka sudah tentu budaya kerja ini tidak sejajar dengan perubahan universiti yang ditambah dengan entiti baru, sebagai Universiti Penyelidikan. Seluruh jentera universiti mesti bergerak seiringan dan proaktif serta mencipta inovasi untuk kejayaan pencapaian objektif Universiti Penyelidikan bereputasi antarabangsa.



Dari segi infrastruktur juga, kita perlu segera memenuhi keperluan Universiti Penyelidikan. Persekuturan kerja yang kondusif dan melengkapi ciri-ciri entiti baru ini tidak boleh diambil mudah. Kita tidak boleh sambil lewa membangunkan infrastruktur tanpa memikirkan keperluannya. Keutamaan mesti diberikan kepada bidang tumpuan kita dan usaha-usaha yang proaktif mesti dilakukan oleh Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset untuk merancang dan menyelenggara kemudahan infrastruktur sejajar dengan Universiti Penyelidikan bereputasi antarabangsa ini. Kita perlu melangkauikekangan dari segi infrastruktur agar mudah mencapai produktiviti dan kualiti organisasi.

Dalam organisasi mana jua pun, sudah tentu kekangan-kekangan ini wujud. Bagi organisasi yang mahu ke hadapan seperti kita, kekangan-kekangan ini perlu diuruskan dengan baik. Ia perlu dilangkaui agar tidak menggugat dan merencatkan kecapaian kita. Usaha-usaha dan tindakan-tindakan yang bijak mesti dilaksanakan oleh seluruh komponen yang menjadi tulang belakang kepada universiti ini.





Mencorak
universiti
penyelidikan



Apabila UPM diumumkan sebagai melepassi Audit Universiti Penyelidikan, kita sebenarnya dituntut untuk mendepani pengiktirafan ini dengan persediaan yang sewajarnya. Kita telah laksanakan beberapa bengkel yang dihadiri hampir keseluruhan pegawai kanan universiti bagi membincangkan dan menetapkan hala tuju Universiti Penyelidikan. Kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan ini memberikan keyakinan dan semangat kepada saya untuk terus memimpin Universiti Putra Malaysia ini sebagai sebuah Universiti Penyelidikan.



Walaupun telah melepas audit Universiti Penyelidikan, kita perlu juga melihat kepada kelemahan yang ada berdasarkan keputusan audit tersebut. Antaranya, kurangnya penulisan penyelidik kita dalam *High Impact Journal*. Kekurangan ini perlu ditangani segera kerana bila menjelak Universiti Penyelidikan adalah perlu bagi kita untuk membuat penyelidikan yang dapatan kajiannya boleh diterbitkan dalam *High Impact Journal*. Kita juga tidak boleh terkebelakang berbanding universiti lain dalam menghasilkan penyelidikan yang boleh menerima pengiktirafan dan penganugerahan peringkat antarabangsa lebih-lebih lagi universiti yang tidak diberi taraf Universiti Penyelidikan.



SISWAZAH

SISWAZAH

BLANGAN PELAJAR
SISWAZAH TAHUN

PRASISWAZAH

PELAJAR MENGKUT PROGRAM
TAHUN 2001 - 2006

Demikian juga saya melihat kepada peratus Principle Investigator yang masih rendah, iaitu hanya 34.64% berbanding KPI yang ditetapkan, iaitu sebanyak 75%. Kita juga masih perlu memperbaiki jumlah pensyarah yang mempunyai Ph.D terutamanya dalam Sains dan Kejuruteraan yang pada ketika ini hanya pada tahap 52.8% berbanding KPI 67%. Kita diiktiraf sebagai Universiti Penyelidikan kerana menepati kriteria-kriteria sebuah Universiti Penyelidikan dari segi:

- Kuantiti dan kualiti penyelidik
- Kuantiti dan kualiti penyelidikan
- Kuantiti pascasiswazah
- Kualiti pascasiswazah
- Inovasi
- Khidmat profesional dan hadiah
- Rangkaian dan pautan
- Kemudahan sokongan

Sebagai Universiti Penyelidikan, bermakna kita menjadi enjin pembangunan negara yang diharap dapat meningkatkan aktiviti penyelidikan dalam persekitaran yang kondusif dan dapat menjana kekayaan serta meningkatkan kualiti hidup. Kita juga akan memimpin inovasi negara, menghasilkan penyelidikan bertaraf dunia dan melahirkan calon pemenang Hadiah Nobel. Universiti Penyelidikan juga akan bertindak sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang keutamaan negara yang mampu menjana penerbitan penyelidikan impak tinggi dan

dapat menarik pakar terbaik untuk pengajaran dan penyelidikan serta melahirkan graduan yang berkualiti.

Pemberian taraf Universiti Penyelidikan sudah tentu menuntut kita untuk mengubah budaya kerja. Ia melebihi kebiasaan dan memerlukan anjakan paradigma yang berteraskan kepada kesungguhan dan iltizam untuk mempertingkat pencapaian kita. Apabila Kementerian Pengajian Tinggi memberikan kita taraf Universiti Penyelidikan dan geran yang tertinggi dalam penyelidikan,



sudah pasti ekspektasinya juga tinggi. Jika kita tidak mengambil langkah yang proaktif dan berkesan dalam mengemudi Universiti Penyelidikan ini maka ekspektasi *stakeholder* kita akan meleset.

Jika ini berlaku, maka kita semua akan menanggung bahana itu. Perubahan kepada sikap yang lebih positif perlu digarapkan kepada semua warga universiti. Prestasi perkhidmatan kita perlu mencapai kapasiti yang maksimum dengan penglibatan semua pihak. Ini termasuklah penyertaan yang aktif persatuan-persatuan yang ada di dalam universiti seperti Persatuan Pegawai Akademik dan Persatuan Pentadbir. Persatuan-persatuan ini perlu memainkan peranan bagi menggerakkan seluruh ahli untuk menggembung komitmen kepada pencapaian matlamat universiti. Persatuan juga perlu memainkan peranan untuk mencari formula bagi menggerakkan seluruh ahli untuk mempertingkat prestasi kerja melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan. Saya akan memberi sokongan penuh kepada persatuan-persatuan yang mengambil inisiatif untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bersifat sedemikian.

Saya percaya bagi mencapai prestasi perkhidmatan yang maksimum kapasiti ini, maka sistem insentif perlulah tepat. Pertumbuhan organisasi tidak boleh wujud jika sistem insentif tidak setimpal. Justeru, saya mengharapkan sistem insentif akan dikaji sejajar dengan hasrat kita untuk mempertingkat kualiti perkhidmatan. Pihak Pengurusan Universiti akan terus memberi perhatian kepada sistem ini dengan mencari formula milikan kita sendiri selain daripada Penilaian Tahap Kecekapan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Hadiah Fellowship Naib Canselor seperti yang sedia ada sekarang ini.

Kita sedia maklum bahawa untuk mengekalkan status Universiti Penyelidikan ini mempunyai prasyarat yang perlu kita penuhi. Untuk mendapat pengiktirafan sebagai Universiti Penyelidikan bukanlah sesuatu yang mudah dan tentunya lebih sukar lagi untuk kita mengekalkan status itu. Pada ketika ini kita masih lagi menunggu pindaan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti untuk diwartakan. Saya difahamkan, kemungkinan dalam pindaan Akta

tersebut turut menyentuh tentang Universiti Penyelidikan yang membolehkan Menteri Pengajian Tinggi mengiktiraf mana-mana universiti yang dilihat melengkapi keperluan audit sebagai Universiti Penyelidikan dan juga menggugurkan taraf itu daripada universiti yang telah diberi taraf Universiti Penyelidikan tetapi gagal mencapai KPI yang ditetapkan.

Dengan prasyarat ini, kita perlu melihat semula prasarana yang ada dan apa yang boleh ada. Kita perlu melihat penggunaan ruang dalam universiti ini di tahap optimum dan tidak dibazirkan. Sebagai contohnya, sekiranya sesuatu fakulti, pusat atau institut sepautnya hanya memerlukan lima makmal, maka memadailah dengan lima, tidak perlu memiliki sampai sepuluh makmal. Lebihan yang ada itu seharusnya boleh diberikan untuk kegunaan fakulti, pusat atau institut lain yang mempunyai masalah kekurangan ruang. Kita mungkin boleh mengimplementasikan sistem denda kepada mereka yang mempunyai lebihan ruang yang tidak dioptimumkan ini sekiranya kita menghadapi kesukaran dalam mengagih ruang-ruang tersebut.

Pada masa ini kita perlu memikirkan mekanisme penilaian kepada hasil penyelidikan kita. Ini perlu dilakukan kerana kita inginkan hasil penyelidikan yang mantap yang bukan sekadar mendapat pengiktirafan nasional dan antarabangsa tetapi turut meninggalkan kesan yang besar kepada pembinaan kekayaan negara.

Walaupun apapun, kita tidak harus lupa bahawa kita masih lagi menjadi harapan dan tonggak bagi memberi makna baharu kepada sektor pertanian selaras dengan peranan UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak lama dahulu. Kita percaya hanya dengan pendidikan yang berterusan, mampu membawa makna dan impak yang lebih besar kepada kecemerlangan sektor pertanian.


Walaupun kejayaan demi kejayaan, kecemerlangan demi kecemerlangan telah kita peroleh, hakikatnya kejayaan dan kecemerlangan itu bukanlah sesuatu yang statik. Ia adalah sesuatu yang dinamik dan berubah seiring


dengan perubahan hegemoni dunia masa kini. Dari perspektif Universiti sendiri, saya percaya kita mempunyai potensi yang cukup besar untuk menggapai kegemilangan masa hadapan. Persoalannya ialah bagaimana menggarap semua potensi dan kekuatan yang dimiliki untuk kita menjana kekuatan universiti secara keseluruhan. Kita mempunyai tenaga manusia yang berpotensi baik dari akademik mahupun bukan akademik, kemudahan dan peralatan yang jauh lebih baik jika dibandingkan dengan rakan IPT yang lain, pelajar yang berkualiti dan berdaya saing dan lokasi yang strategik yang memudahkan perancangan dan hubungan dengan masyarakat global.

Warga UPM yang mempunyai pelbagai latar belakang, tahap pendidikan dan pengalaman yang berbeza sudah tentu akan menjadikan UPM sebagai sebuah IPTA yang mempunyai segala komponen yang penting dalam memacu universiti ke arah kecemerlangan. Kepelbagaiannya yang dimiliki tidak harus dijadikan penghalang untuk kita sama-sama berkongsi demi kecemerlangan universiti. Sebagaimana yang saya selalu sebut *there are*

many ways to skin a cat. Saya yakin dengan musyawarah kita dapat menyelesaikan segala masalah yang timbul dengan syarat setiap kita mempunyai fokus utama untuk mencari kebenaran dan bertanggungjawab untuk membawa universiti ke arah kecemerlangan.

Mencorak UPM sebagai Universiti Penyelidikan perlu kita sejaarkan dengan hasrat menjadikan UPM sebagai universiti bereputasi antarabangsa. Ini bermakna Universiti Penyelidikan yang ingin diwujudkan ini adalah bertaraf antarabangsa. Justeru, cabaran kita semakin bertambah. Kalau sebelum ini kita memberi fokus bagi memacu UPM menjadi universiti bertaraf dunia, maka sekarang ini ia dilebarkan lagi dengan menjadi Universiti Penyelidikan bertaraf dunia. Oleh yang demikian, segala penyelidikan kita mesti menjurus ke peringkat antarabangsa dengan terbitan dalam jurnal-jurnal antarabangsa selain daripada dibentangkan dalam seminar-seminar peringkat antarabangsa. Saya penuh yakin dan percaya bahawa kita boleh mencapai matlamat ini berdasarkan kepada sokongan-sokongan yang sedia ada di samping usaha-usaha yang dipergiatkan untuk mencapainya.





**Memantapkan
pengurusan
sumber
manusia**



Manifestasi idea dan perjuangan kita perlu jelas kepada matlamat. Kita perlu menjaga imej atau penjenamaan (branding) kita. Agenda perjuangan yang bersifat nasional dan antarabangsa mampu menghasilkan produk dan pakej yang mampu menarik minat masyarakat tempatan dan antarabangsa untuk menyertai kita sebagai pelajar atau pensyarah di UPM. Kita perlu punyai *sense of purpose* dengan matlamat perjuangan yang jelas, disiplin yang tinggi dan sentiasa dipertingkat. Oleh yang demikian kita perlu teruskan usaha membentuk modal insan (pegawai dan kakitangan universiti) melalui latihan-latihan yang boleh memperkemas dan mempertingkat kualiti sumber manusia.



Bila saya menyatakan bahawa kita perlu mempertingkat keupayaan terutamanya dari segi penyelidikan, maka pengurusan sumber manusia harus dirancang dengan teliti supaya kita tidak kekontangan modal insan ketika memerlukannya untuk melaksanakan penyelidikan-penyalidikan yang hebat dan berkualiti tinggi. “*High quality faculty (academics) attracts quality students, not the other way round. High quality faculty members publish quality publications with productivity in the 20% continuously*” (Lombardi 2007). Saya juga telah nyatakan tadi dalam kekurangan yang perlu diatasi seperti *High Impact Journal* dan bilangan pensyarah dalam bidang sains dan kejuruteraan, maka pengurusan sumber manusia harus mengambil berat perkara ini.



Dengan demikian proses pengambilan kakitangan akademik perlu dirancang dengan sempurna. Kita perlu berusaha mendapatkan biasiswa sebanyak mungkin dan memanfaatkannya. Jangan kita hanya sekadar berusaha mendapatkan biasiswa tetapi tidak menggunakannya. Kita perlu merancang biasiswa yang diperoleh daripada Skim Latihan Akademik Bumiputra (SLAB), Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) dan biasiswa-biasiswa lain.

Dalam hal ini kita perlu memastikan latihan kepada kakitangan universiti sama ada kakitangan akademik mahupun bukan akademik dirancang dengan teliti. Kapasiti membangunkan penyelidik berkualiti perlu dipertingkat sejajar dengan status sebagai Universiti Penyelidikan. Demikian juga pembangunan sumber manusia selainnya perlu turut diperkuuh. Latihan kepada pegawai mesti dirancang dengan sistematik dan mengambil kira impak daripada latihan yang diberikan. Keperluan kepada latihan selama tujuh hari setahun bagi setiap kakitangan tidak boleh dilaksanakan sekadar memenuhi jumlah masa tujuh hari itu sahaja, tetapi mesti mengambil kira impaknya kepada kakitangan yang mengikuti latihan tersebut sahaja. Bentuk-bentuk latihan secara *adhoc* wajar dielakkan, sebaliknya kita laksanakan latihan dengan terancang, tersusun dan menggunakan fasa-fasa tertentu sehingga mampu memperlengkap kakitangan kita dengan kemahiran yang diperlukan. Sudah sampai masanya untuk kita menilai semula

bentuk latihan yang diberikan dan mengambil langkah yang perlu bagi memperkuuh bentuk dan mekanisme latihan yang diberikan kepada kakitangan UPM. Dengan demikian, kita dapat melihat impak daripada latihan tersebut kepada kakitangan dan lonjakan kepada peningkatan prestasi dan produktiviti yang menyumbang kepada kemajuan universiti.

Bagi memastikan sumber manusia yang dimiliki universiti lebih cekap dan efisien, saya dan Pihak Pengurusan Universiti telah bersetuju supaya pihak Pendaftar membuat perancangan mengenai latihan dan *succession plan* yang komprehensif. Kita tidak boleh lagi melaksanakan latihan sekadar untuk memenuhi keperluan latihan yang ditetapkan tanpa mengambil kira hala tuju dan perancangan masa hadapan universiti secara keseluruhan. Kita mahu semua pihak kini bergerak ke arah kecemerlangan dan saya secara peribadi, yakin dan percaya, bahawa kecemerlangan dalam tugas kini bukan lagi merupakan satu pilihan tetapi kemestian untuk semua warga universiti.

*Research talent is rare and fragile,
teaching talent is common. Good*

*teachers need not be good researchers.
Good researchers need not be good
teachers though they usually are. It is
easy to be a good teacher if you care
(Lombardi 2007).*

Universiti juga berusaha untuk meningkatkan sumbangan pensyarah kepada bidang penyelidikan universiti. Sebagai menghargai sumbangan dan menggalakkan pensyarah berbuat demikian, pihak universiti akan mewujudkan skim insentif kepada para penyelidik yang menghasilkan jurnal yang berimpak besar (*journal with high impact factor*) selain daripada anugerah perkhidmatan cemerlang yang sedia ada.

Di samping itu, para penyelidik adalah digalakkan untuk mengikuti latihan sabatikal di institusi terkemuka di peringkat antarabangsa. Bagaimanapun para penyelidik yang tidak menggunakan kemudahan cuti sabatikal yang disediakan oleh pihak universiti dalam tempoh yang ditetapkan, mereka harus menunggu sehingga 10 tahun atau peluang tersebut akan ditarik balik daripada mereka.

Aktiviti penyelidikan hendaklah disemarakkan pada peringkat awal dan diterapkan dalam kalangan penyelidik baru di universiti. Galakan dan bimbingan oleh pegawai senior hendaklah diberikan kepada penyelidik muda untuk memulakan penyelidikan pada peringkat awal. Oleh itu, adalah amat penting untuk semua kepimpinan universiti pada setiap peringkat melaksanakan perancangan dan pelan tindakan bagi memastikan usaha ini mencapai matlamat yang ditetapkan oleh universiti. Usaha ini adalah bagi memastikan kesinambungan kecemerlangan berlaku dan dapat diteruskan di universiti ini.

Sesungguhnya kecemerlangan di universiti adalah manifestasi kepada penggembangan usaha semua pihak yang terlibat yang terdiri daripada kalangan pegawai akademik dan bukan akademik. Sementara pegawai akademik memberikan fokus kepada pengajaran dan penyelidikan, pegawai bukan akademik turut memainkan peranan yang penting bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pentadbiran di universiti. Saya berharap peranan dan sumbangan kedua-dua jentera utama universiti dalam bidang kepakaran masing-masing dapat

dingkatkan dari semasa ke semasa demi memastikan sumber manusia digunakan secara optimum dan efektif. Saya juga berharap pegawai bukan akademik dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam urusan pengurusan dan pentadbiran universiti dan menetapkan standard perkhidmatan yang tinggi untuk dicontohi oleh anggota pentadbiran di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.

Selama ini telah banyak insentif kita berikan, termasuklah peluang kenaikan pangkat yang sangat luas kepada para pensyarah sehingga menimbulkan *bias* kepada pensyarah berbanding pegawai-pejawai bukan akademik. Saya bersetuju bahawa peluang kenaikan pangkat kepada pegawai-pejawai bukan akademik lebih kecil berbanding pegawai-pejawai akademik. Kita tidak dapat mengelakkan perkara ini kerana peruntukan jawatan yang diperoleh amat terhad. Walaupun kriteria kenaikan pangkat yang dibuat adalah jelas dan telus, apabila yang layak lebih banyak daripada yang terpilih, maka ia mula mengundang pertikaian. Atas dasar ini saya berharap supaya peluang kenaikan pangkat pegawai bukan akademik perlu dilihat semula dan diberi perhatian


serius oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Saya juga perlu mengingatkan bahawa kriteria utama kita sudah tentu prestasi kerjaya. Dalam mana-mana organisasi sekalipun, kegagalan untuk mencapai prestasi perkhidmatan yang cemerlang sudah tentu akan menyukarkan proses kenaikan pangkat. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia perlu mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dari semasa ke semasa bagi pengisian jawatan secara optimum di universiti ini.

Saya kira, tidak ada cara lain dalam memastikan kejayaan kita. Gemblengan komitmen dan keharmonian bekerja dalam satu pasukan adalah inti pati kepada kekuuhan institusi ini. Pengurusan sumber manusia perlu dimantapkan dengan pengambilan staf yang cemerlang dan digemilangkan melalui latihan yang mantap dan sistematik. Penerapan nilai-nilai murni dan etika kerja perlu sentiasa disuburkan agar ia tidak lekang daripada budaya kerja di UPM. Budaya kerja kita perlu seajar dengan aspirasi kita untuk menjadi universiti bereputasi antarabangsa.

Memperkasa
pendidikan
pasca-
siswazah



Gapaian kejayaan dalam tuntutan Universiti Penyelidikan mengajak kita untuk memperkasa pengajian siswazah. Sekolah Pengajian Siswazah perlu lebih dipromosikan bagi menarik lebih banyak pelajar sama ada dari dalam maupun luar negara. Kita mensasarkan untuk mencapai nisbah pelajar bachelors (undergraduate) dan pelajar lepasan ijazah (postgraduate) dengan nisbah 2:1. Justeru program-program yang ditawarkan perlulah menepati keperluan semasa dan masa depan.




Kita harus menyusun semula pelaksanaan pengajian siswazah yang ditawarkan untuk peningkatan populasi pelajar siswazah di UPM dari dalam dan luar negara. Peningkatan pelajar dari luar negara akan memberikan impak dan faedah yang amat bermakna kepada universiti. Secara tidak langsung, pelajar ini akan dapat meningkatkan lagi sumbangan kesarjanaan universiti di persada antarabangsa. Kehadiran mereka juga akan dapat memberikan satu persaingan sihat dalam kalangan pelajar tempatan, percambahan pertukaran budaya dan pengukuhan hubungan jaringan UPM dan alumninya di seluruh dunia. Kita sedar bahawa pelajar siswazah adalah aset utama dalam menyokong pembangunan dan peningkatan penyelidikan di universiti.



Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan (GSM) pula perlu dinilai semula fungsi dan peranan yang dimainkan supaya dapat menjadi sebuah Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan yang terkemuka di rantau Asia dan pada peringkat antarabangsa. Kita perlu memanfaatkan peningkatan penarafan UPM secara keseluruhan untuk meningkatkan pencapaian dalam bidang pengurusan yang dimiliki. Saya yakin dengan pencapaian dan prestasi yang telah ditonjolkan oleh GSM akan dapat melonjakkan lagi nama UPM di persada antarabangsa.

Walaupun GSM telah dikenali dan mendapat perhatian di peringkat antarabangsa, kita tidak boleh sekadar berpuas hati sahaja. Usaha-usaha perlu dipertingkat bagi memastikan GSM terus melonjak dalam reputasi antarabangsa dan menarik minat pelajar-pelajar dari luar negara. Prasarana yang lebih kondusif dengan persekitaran pembelajaran yang menarik boleh menjadi pemangkin kepada hasrat kita untuk menarik kehadiran pelajar antarabangsa mahupun dalam negara.

Dalam era Universiti Penyelidikan ini pendidikan pascasiswazah menjadi sangat penting. Dari segi kuantiti kita perlu terus memenuhi kriteria sekurang-kurangnya nisbah graduan Ph.D dengan staf akademik pada nisbah 1:18 (staf akademik yang merupakan 60% daripada bidang sains dan teknologi). Nisbah pascasiswazah dengan staf akademik (enrolmen) pada nisbah 3:1. Nisbah pascasiswazah (berdasarkan penyelidikan dan mod campuran) dengan siswazah pula adalah 1:4 serta bilangan pasca siswazah antarabangsa mestilah 10%. Inilah kriteria dalam Universiti Penyelidikan dan kita mensasarkan lebih tinggi daripada itu untuk berada pada tahap yang kukuh dan stabil.



Menyedari keperluan ini kita perlu segera memperkasa Sekolah Siswazah kita. Saya mengucapkan syabas kepada pengurusan Sekolah Pengajian Siswazah yang telah mengambil langkah melaksanakan bengkel sebagai usaha untuk mencapai hasrat ini. Resolusi daripada bengkel yang diadakan itu perlu diselaraskan dengan tindakan yang boleh memberikan impak kepada keperkasaan Sekolah Pengajian Siswazah. Kita juga perlu segera bertindak

dalam menyediakan prasarana pendidikan pascasiswa yang lebih lengkap. Penyediaan ruang kuliah dan tempat penginapan perlu selari dengan usaha menambah bilangan pelajar antarabangsa. Kita tidak mahu masalah ini timbul sedangkan seharusnya boleh diselesaikan di peringkat awal lagi. Pembinaan kompleks antarabangsa, misalnya perlu diberi perhatian yang serius supaya dapat direalisasikan dalam waktu yang terdekat ini.

Bberapa kejayaan dan pengiktirafan pada tahun 2006 telah memberi impak yang positif kepada universiti. Saya difahamkan bahawa Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) dan Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan (GSM) telah menuju ke arah pengiktirafan The Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB) dan ini telah meletakkan UPM sebagai IPTA yang pertama menuju ke arah pengiktirafan tersebut. Fakulti Sains dan Teknologi Makanan (FSTM) pula telah diberikan pengiktirafan sebagai Pusat Kecemerlangan Keselamatan Makanan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Pengiktirafan seumpama ini adalah sesuatu yang wajar kita capai bagi memastikan kualiti dan standard perkhidmatan yang diberikan adalah pada tahap cemerlang. Saya juga berharap beberapa hala tuju yang telah dilaksanakan oleh beberapa PTJ membolehkan universiti menilai semula peranan dan fungsi yang diberikan oleh PTJ tersebut dan seterusnya mengorak langkah untuk menjadi lebih maju dan cemerlang pada masa hadapan.



Kelangsungan
matlamat
melahirkan
graduan
berkualiti



Matlamat kita untuk melahirkan graduan berkualiti dan berdaya saing perlu dilangsungkan tanpa henti. Inilah sebenarnya falsafah keberadaan kita di universiti ini. Biarpun kita telah melonjak ke taraf Universiti Penyelidikan, ia sebenarnya tidak sedikitpun boleh mengubah matlamat untuk melahirkan graduan yang berkualiti ini. Walaupun universiti perlu memberi fokus kepada penyelidikan yang boleh menyumbang kepada kekayaan negara, pelajar perlulah terus menjadi agenda kita.



Proses pengajaran dan pembelajaran perlu sentiasa ditambah baik dan konsep *learning outcomes* mesti dimurnikan dari semasa ke semasa. Dalam era globalisasi dan pasaran bebas yang mendominasi persaingan antarabangsa, kemahiran yang ingin dipilih juga seharusnya menepati kehendak sedemikian. Kita perlu mempertingkat kemahiran berbahasa Inggeris, Information Communication Technology (ICT), komunikasi, keusahawanan, organisasi, penyelesaian masalah, interpersonal, kerja berpasukan dan kepimpinan kepada pelajar-pelajar kita. Tidak ada kompromi dalam usaha ini, jika kita hasratkan pelajar mendepani persaingan glokal apatah lagi global.



Kemahiran berbahasa Inggeris menjadi penting dalam dunia hari ini. Kita tidak boleh menolak hakikat akan kepentingan ini kerana ia telah menjadi bahasa antarabangsa dan sangat diperlukan dalam era globalisasi ini. Konsep *global village* yang diperkenalkan dalam masyarakat dunia dewasa ini memerlukan kita menguasai bahasa Inggeris untuk membolehkan keterampilan kita dalam masyarakat dirasai di samping memberi kredit kepada penguasaan ilmu pada peringkat antarabangsa. Bahasa Inggeris sebenarnya bukanlah sesuatu yang sukar dipelajari. Hakikatnya, ia tidak lebih daripada hanya sekadar suatu bahasa yang sama seperti bahasa Melayu, Mandarin, Tamil dan sebagainya. Oleh yang demikian penguasaannya juga hampir sama dengan bahasa-bahasa yang lain asalkan kita mau berusaha ke arah itu dan melazimkan diri untuk menggunakaninya. Kelaziman yang ingin dibentuk ini tidak bermakna kita mengetepikan bahasa kebangsaan, sebaliknya menambahkankekayaan dan kualiti diri melalui penguasaan bahasa-bahasa lain, apatah lagi bahasa yang diterima oleh dunia antarabangsa. Kemahiran berbahasa Inggeris tentunya akan menjadi batu loncatan kepada penguasaan

akademik dan kemahiran yang lain seperti ICT, komunikasi, interpersonal dan sebagainya. Justeru, saya kira bukan sahaja pelajar perlu menguasai bahasa ini tetapi seluruh kakitangan juga mestilah mengambil inisiatif untuk mempertingkat penguasaannya.

Pekembangan semasa juga menyaksikan bahawa ICT merupakan bidang yang mendominasi pasaran antarabangsa. ICT telah merentasi pelbagai bidang strategik termasuk perniagaan, pentadbiran, pengurusan, perbankan, pendidikan, keselamatan negara dan sebagainya. Masyarakat yang berkeupayaan menguasai ICT akan bergerak ke arah kemajuan dan pembangunan negara pada masa ini. ICT juga begitu pesat membangun dan sekiranya kita tidak mengambil inisiatif untuk menguasai kemahiran ini, maka kita akan ketinggalan di belakang. Graduan mahupun kakitangan universiti tidak boleh ketinggalan pada masa ini kerana kita sentiasa berada di atas pentas persaingan. Justeru, sekarang merupakan masa yang sangat tepat untuk membentuk kemahiran tersebut kerana di universiti, prasarana ICT ini telah dilengkapi bagi membolehkan kita

menguasainya. Tidak ada gunanya prasarana yang sedemikian sekiranya tidak dimanfaatkan untuk kecemerlangan dan kemahiran kita.

Keterampilan para pelajar UPM akan lebih terserlah melalui kemahiran berkomunikasi. Keyakinan berhujah di khalayak, mengemukakan pendapat, keberanian bersuara, kebolehan menyampaikan maklumat dan keupayaan membuat pembentangan berkesan akan mempertingkat nilai kesarjanaan mereka. Penglibatan dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum melalui organisasi pelajar, debat, pidato, forum dan seumpamanya boleh membantu mereka menguasai kemahiran berkomunikasi. Saya ketengahkan kepentingan penguasaan kemahiran ini adalah kerana senario semasa yang menunjukkan kepada kita, banyak graduan yang gagal berkomunikasi dengan baik sehingga menutup keterampilan mereka untuk mendapat tempat dalam pasaran kerjaya. Kegagalan ini amat merugikan kerana ia akan melindungi kehebatan mereka dalam akademik lantaran ketidakupayaan mereka membuat pembentangan yang berkesan. Saya percaya bahawa aktiviti-aktiviti ko-kurikulum akan membuka ruang kepada pelajar-pelajar universiti untuk menguasai kemahiran-

kemahiran tersebut di samping membuka minda dalam mengetahui isu-isu setempat dan global.

Saya berpendapat demikian kerana organisasi pelajar seharusnya membuka pandangan dengan seluas mungkin termasuk mencari pengalaman di luar negara dalam memperkaya kehebatan pengetahuan dan pengalaman. Saya menggalakkan peningkatan pengantarabangsaan (internationalisation) dalam aktiviti-aktiviti pelajar di kampus. Saya percaya usaha ini akan lebih menyediakan

pelajar bagi menghadapi pasaran terbuka yang memungkinkan mereka merantau ke luar negara untuk memperoleh pekerjaan yang boleh mempertingkat kualiti hidup. Para pelajar juga akan menjadi lebih kompetitif dan sentiasa bersedia mengharungi apa juga keadaan yang akan ditempuhi kelak walau dalam keadaan sosioekonomi, budaya dan politik yang berbeza-beza.

Kita sedia maklum bahawa bidang keusahawanan memberi pulangan yang sangat menguntungkan kalau diuruskan dengan baik dan terancang. Bidang

ini juga memerlukan kemahiran tertentu untuk memastikan kejayaannya. Saya percaya bahawa keusahawanan akan menjadi nilai tambah yang sangat baik kepada graduan dan akan membantu kepada pembinaan kerjaya yang berjaya. Atas kepercayaan ini saya juga turut menggalakkan aktiviti keusahawanan ditingkatkan di dalam kampus bagi mendedahkan pelajar kepada dunia keusahawanan. Kursus-kursus keusahawanan dan seumpamanya perlu diperbanyakkan bagi memberi peluang kepada pelajar untuk mengikutinya. Universiti juga boleh membina jaringan kerjasama dengan industri atau syarikat-syarikat luar bagi membawa masuk kemahiran keusahawanan untuk dimanfaatkan oleh para pelajar. Saya yakin penguasaan kemahiran keusahawanan ini akan banyak membantu pelajar pada masa hadapan kerana kita tahu cabaran dan persaingan pasaran kerjaya sangat mencabar pada masa ini, apatah lagi pada masa akan datang. Melalui kemahiran keusahawanan, ia pasti akan membuka ruang kerjaya secara berdikari dalam kalangan graduan dalam arus persaingan ini. Ini juga akan turut membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan di negara kita.



Sejak sekian lama isu kepimpinan dan kepemimpinan pelajar diperkatakan dalam masyarakat. Pelbagai isu ditimbulkan malah menjadi polemik dalam forum-forum tertentu yang memperkatakan tentang kepimpinan dan kepemimpinan pelajar. Saya akui bahawa kepimpinan dan kepemimpinan pelajar tidak boleh dipinggirkan dalam kehidupan kampus yang rata-rata di dalamnya para cerdik pandai generasi muda. Generasi kepimpinan ini juga akan mewarisi kepimpinan negara pada masa akan datang. Persatuan Mahasiswa atau Majlis Perwakilan Pelajar Universiti merupakan medan yang terbaik mengikut peruntukan perlembagaan universiti untuk mengasah bakat kepimpinan. Selain itu, kewujudan persatuan-persatuan, kelab-kelab dan organisasi pelajar yang lain di dalam universiti ini boleh mendedahkan pelajar kepada kepimpinan, organisasi dan kerja berpasukan.

Saya penuh yakin dan percaya bahawa sekiranya Persatuan Mahasiswa atau aktiviti-aktiviti pelajar dirancang dan dilaksanakan dengan baik tanpa pengaruh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab, kecemerlangan sahsiah mahupun akademik

pelajar dapat dipertingkat. Penglibatan dalam aktiviti beruniform seperti PALAPES, Kor Sukarelawan Polis (SUKSIS), Kelanasiswa, Bulan Sabit Merah dan seumpamanya sebenarnya mempunyai keupayaan untuk memupuk semangat patriotisme dan perpaduan dalam kalangan pelajar. Pembentukan disiplin diri dan kebebasan daripada melakukan kesalahan tatatertib boleh diwujudkan melalui aktiviti sebegini di samping boleh

mempertingkat kerjasama dan semangat hidup bermasyarakat yang harmoni melalui kerjasama berpasukan yang baik. Inilah sebenarnya yang kitakehendaki, iaitu aktiviti ko-kurikulum sebagai pelengkap kepada aktiviti kurikulum (akademik). Kesepaduan kedua-dua elemen ini akan membentuk graduan berkualiti yang boleh memenuhi ciri-ciri kebolehpasaran di samping terus mempertahankan keamanan dan kemakmuran negara.



Saya kira telah panjang lebar saya bercakap tentang pelajar. Cabaran ini sebenarnya telah diletakkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui pelancaran *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi*. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Prof. Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi telah mengenal pasti modul yang perlu dilaksanakan di semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi memperkaya kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar. Di UPM, kita bersedia mendepani cabaran ini dengan penubuhan Pusat Ko-kurikulum yang telah merangka kursus-kursus yang akan ditawarkan sebagai aktiviti ko-kurikulum berkredit. Peranan Bahagian Hal Ehwal Pelajar juga kita dipertingkatkan untuk melihat aspek pembangunan sahsiah pelajar sebagai melengkapi kecemerlangan akademik pelajar. Saya berharap Pusat Ko-kurikulum dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar akan diperkemas bagi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar supaya penglibatan mereka dalam aktiviti ko-kurikulum lebih terancang dan bergerak pada landasan yang betul. Kandungan aktiviti ko-kurikulum perlu

diperincikan bagi memanfaatkan penglibatan pelajar dengan turut menyumbang kepada pengurusan masa yang betul dan terancang.

Saya percaya Kolej Kediaman juga turut memainkan peranan dalam membangunkan sahsiah para pelajar sekalian. Kolej Kediaman di universiti tidak boleh sekadar dijadikan tempat penginapan semata-mata, sebaliknya ia mesti turut berperanan bagi mendidik pelajar untuk hidup dalam masyarakat yang majmuk dengan penerapan nilai-nilai murni seperti toleransi, kerjasama, tanggungjawab, hormat-menghormati dan turut membina jaringan hubungan (networking) antara para pelajar. Sekiranya kolej sekadar dijadikan tempat penginapan semata-mata maka ia akan merugikan sebahagian besar daripada masa kehidupan di kampus yang sepatutnya dimanfaatkan secara keseluruhannya. Entiti fakulti dan kolej kediaman perlu saling melengkapi dalam membina kecemerlangan akademik dan sahsiah pelajar. Kecemerlangan akademik dan sahsiah inilah yang akan membentuk kepimpinan pelajar yang dinamik dan mampu berfungsi secara rasional dalam

segala tindakan yang dilakukan. Ia juga berupaya membentuk budaya intelektual yang sihat dalam usaha mencari dan memperdalam ilmu pengetahuan serta membentuk kehidupan yang cemerlang. Dengan demikian universiti akan menjadi pentas latihan kepemimpinan yang baik di samping memupuk semangat hidup bermasyarakat yang harmoni agar perpaduan yang menjadi tunjang kepada kesejahteraan negara akan terus dipupuk.

Justeru, menjelang tahun 2007 kita akan terus mempertingkat keupayaan dalam menyediakan penginapan pelajar yang lebih kondusif. Saya mensasarkan agar kita menjadi universiti yang pelajar secara keseluruhannya tinggal di dalam kampus. Kita juga memerlukan kompleks antarabangsa yang boleh menempatkan pelajar antarabangsa dengan kemudahan yang kondusif. Jika kita berjaya menyediakan kemudahan yang sedemikian, reputasi kita di peringkat antarabangsa pasti akan meningkat. Dengan itu kita akan menjadi pilihan kepada pelajar antarabangsa dan secara tidak langsung menyumbang kepada hasrat untuk menjadikan negara sebagai Pusat Pendidikan bertaraf dunia.

A close-up photograph of a person's face, focusing on their eyes and forehead. They are wearing dark-rimmed glasses and looking slightly downwards and to the left. The background is dark and out of focus.


Universiti kita
tanggung-
jawab kita



Kesempatan ini juga, saya ingin menyatakan pandangan tentang tanggungjawab kita kepada universiti. Saya mengharapkan pentadbiran universiti, pensyarah-pensyarah, pegawai-pegawai dan kakitangan melihat tanggungjawab ini sebagai amanah negara kepada kita. Amanah ini perlu dilaksanakan dengan baik supaya agenda pembangunan dan pembinaan kekayaan negara yang sama-sama kita usahakan ini akan mencapai kejayaan. Gemblengan komitmen yang mantap dan budaya kerja berpasukan secara harmonis ke arah melahirkan graduan berkualiti ini perlu dipertingkat dari semasa ke semasa.



Saya akui bahawa universiti telah cukup berpengalaman dalam melaksanakan tanggungjawab yang menjadi agenda penting negara ini. Namun ia bukan alasan untuk kita laksanakan tugas secara sambil lewa tanpa ada inisiatif untuk membuat perubahan bagi menjana kehebatan. Pengurusan universiti mestilah sentiasa berusaha mempertingkat kualiti pengajaran termasuk mengkaji dan seterusnya memperkenalkan kursus-kursus yang relevan dengan keperluan pasaran semasa dan juga masa akan datang. Prasarana akademik yang sedia ada ini perlu disenggarakan dengan terancang. Sehubungan itu, adalah amat penting bagi universiti untuk meletakkan keperluan infrastruktur pengajaran ini sebagai keutamaan berbanding pembangunan lain yang sekadar aksesori sampingan.





Kita perlu sedar bahawa universiti wujud kerana adanya pelajar. Pelajar-pelajar ini adalah produk utama universiti dan akan menjadi antara pengukur kepada kualiti sesebuah universiti itu. Jika graduan yang dihasilkan berkualiti dan cemerlang maka universiti itu juga akan dikatakan sebagai berkualiti dan cemerlang. Nama universiti akan dibawa oleh graduan yang dihasilkan walau di mana sekalipun mereka berada. Untuk memastikan nama universiti sentiasa berada pada tahap yang membanggakan, maka kita mesti melahirkan graduan yang hebat dan unggul.

Untuk mencapai aspirasi tersebut, bukanlah mudah tugas kita sebenarnya. Seluruh jentera pengurusan, pensyarah, pegawai mahupun kakitangan sokongan universiti mestilah diperkujuh untuk memikul amanah dalam mendidik mahasiswa ke arah keunggulan. Iltizam dan tekad seharusnya dijanakan secara kolektif dan usaha mendidik pelajar mesti menjadi keutamaan sepanjang perkhidmatan tuan-tuan dan puan-puan di universiti. Kita perlu melihat para pelajar ini seperti anak-anak kita sendiri, maka setiap tindakan kita mestilah dilakukan dengan setulus hati demi kecemerlangan mereka. Merekalah yang akan meneruskan perjuangan kita untuk membina agama, bangsa dan negara yang maju, bermaruah dan berdaulat.




Cabaran 2007



Memandang ke hadapan, kita dapat merasakan bahawa 2007 ini akan mengundang cabaran yang lebih hebat. Dimensi baru UPM dijelmakan pada tahun 2007 ini dengan pengiktirafan kita sebagai Universiti Penyelidikan. Wajah baru Serdang bakal membawa perubahan kepada *alma mater* ratusan ribu alumni dan graduan kita. Dimensi baru ini sekali lagi menggambarkan wibawa kita untuk mengurus kejayaan universiti.





Kita perlu memikirkan keperluan untuk menjana sumber kewangan sendiri kerana kita perlu menghadapi pengurangan subsidi oleh kerajaan dalam pengurusan universiti. Justeru, Pembangunan & Penyelidikan dan Pengkomersialan (R&D,C) perlu kita bangunkan supaya dapat mengkomersialkan bidang penyelidikan dan sekali gus menjadi sumber pendapatan universiti. Pada 2007 saya berharap Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC), Pusat Pembangunan Perniagaan (UBC) dan UPM Holdings akan dapat memainkan peranan masing-masing secara lebih aktif dalam meningkatkan aktiviti pengkomersialan produk dan perkhidmatan profesional universiti. Kita perlu meneroka bidang-bidang yang belum diterokai orang lain dan mencapai pasaran yang bukan tradisional.



Selain daripada itu, sumber-sumber yang sedia ada perlu diuruskan dengan baik. Kita tidak boleh sewenang-wenangnya berbelanja. Perbelanjaan terancang dan berhemah perlu dipertingkat demi mengoptimumkan peruntukan yang ada.

Kalau dilihat statistik yang ditunjukkan oleh Pejabat Bendahari, kita telah memperuntuk sebanyak RM 254.97 juta bagi pembayaran gaji kakitangan termasuk pegawai kontrak sebanyak RM 16.08 juta dan RM 6.26 juta bagi pembayaran bayaran kerja lebih masa pada tahun 2006. Angka ini adalah begitu tinggi dan kita merasakan ia wajar dilihat semula dan langkah-langkah penjimatan perlu segera diambil.

Aset dan inventori juga perlu diuruskan dengan cekap. Pembelian aset dan inventori hanya dibuat bagi memenuhi keperluan dan diselenggarakan dengan berkesan. Hal ini boleh mengelakkan kita daripada mengalami kerugian. Memang kita tiada sistem insentif bagi penjimatan sumber kewangan, namun harus diingat bahawa kita memegang amanah untuk membelanjakan wang rakyat. Budaya berbelanja secara

berhemah yang dipupuk sekian lama perlu segera dipertingkat bagi memastikan pengurusan universiti ini dilaksanakan dengan cekap.

Tahun 2007 tetap tidak mengubah bidang tumpuan atau fokus UPM. Bidang pertanian akan terus menjadi tumpuan kita. Aspirasi negara dalam menjadikan UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian akan terus kita ampuhkan.

Peranan Taman Pertanian Universiti akan dipertingkat melalui perancangan pengajaran dan praktikal bukan sahaja kepada pelajar-pelajar kita tetapi institusi-institusi pertanian lain sama ada dari dalam maupun luar negara. Kejayaan MAHA 2006 seharusnya dijadikan petunjuk bahawa bidang pertanian sewajarnya boleh mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari seluruh masyarakat. Sebagai Universiti Penyelidikan maka ia seharusnya menepati aspirasi



untuk menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang keutamaan negara. Sektor Pertanian seperti yang diketahui telah dinyatakan oleh kerajaan sebagai bidang keutamaan negara, maka kita bertanggungjawab sebagai pusat kecemerlangan untuk sektor ini.

Lonjakan prestasi pengurusan pertanian di UPM perlu disegerakan. Universiti perlu menjadi peneraju untuk memperhebat usaha dalam melaksanakan inovasi pertanian. Kajian-kajian yang boleh memberi impak yang besar dalam kemajuan bidang pertanian hendaklah diberi perhatian yang serius. Pusat Asasi Pertanian pula perlu turut sama mencari mekanisme paling berkesan untuk menarik pelajar untuk mengikuti bidang ini. Kejayaan kita membentuk asas yang kuat dalam pertanian akan menjadi batu loncatan kepada aspirasi negara untuk menjadi Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian.

Tahun 2007 juga menuntut kita untuk memperhebat aktiviti yang boleh mempromosikan UPM di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Reputasi kita bergantung pada sejauh mana promosi

yang dilaksanakan dalam meletakkan UPM di peta dunia. Sebagai langkah meningkatkan lagi promosi dan usaha menyebarluaskan kejayaan universiti, para penyelidik dan semua warga haruslah bertindak sebagai duta dalam memperkenalkan universiti dan membina reputasi universiti dalam kalangan institusi kesarjanaan di peringkat antarabangsa. Hubungan jaringan yang dibina hendaklah dipupuk ke arah memberi impak yang positif kepada universiti. Impak ini boleh terdiri daripada peningkatan dari aspek berikut:

- pelajar luar negara yang melanjutkan pengajian di UPM
- kolaborasi penyelidikan dengan penyelidik bertaraf antarabangsa
- sumbangan dana penyelidikan
- pengiktirafan dan penarafan universiti
- meningkatkan pentadbiran universiti ke tahap yang lebih tinggi.

Pegawai-pegawai universiti yang berpeluang ke luar negara untuk membentangkan kertas kerja dan sebagainya boleh mengambil langkah memperkenalkan UPM. Mungkin jangka masa menghadiri seminar atau seumpamanya itu boleh ditambah sehari dua untuk tujuan


membuat promosi universiti. Langkah ini saya kira wajar kerana kita perlu memanfaatkan segala peluang yang ada demi kecemerlangan UPM. Dalam waktu yang sama promosi peringkat dalaman dan melalui penggunaan teknologi maklumat yang luas mesti disemarakkan di universiti ini. Segala hasil penyelidikan dan aktiviti mesti dihebahkan kepada pengetahuan staf dan umum melalui teknologi maklumat. Saya mengharapkan pada tahun 2007 kita akan memasang layar-layar elektronik (billboard) di dalam kampus yang boleh menyalurkan segala maklumat tersebut. Tempat-tempat yang strategik di dalam kampus perlu diwujudkan pusat-pusat maklumat secara elektronik supaya seluruh masyarakat tahu akan apa yang kita lakukan.

Saya juga mengharapkan supaya usaha yang lebih aktif dilaksanakan dalam mempromosikan UPM. Hubungan dengan media pada peringkat nasional dan antarabangsa mesti diwujudkan melalui jaringan yang baik. Ini membolehkan kita menyebarluaskan segala pencapaian kita dan yang paling penting, ia dapat dikongsi bersama.



A dark red background featuring a network of glowing red lines forming a globe-like pattern. Two glowing red spheres are visible: one large sphere in the center-left and a smaller one at the bottom left.

Penutup
bicara




Tahun 2007 ini menuntut keazaman kita untuk meletakkan Universiti Putra Malaysia jauh lebih baik daripada kedudukan 292 dalam penarafan universiti dunia. Semua entiti yang ada di universiti ini mesti memainkan peranan yang sewajarnya untuk melaksanakan aspirasi itu. Budaya kerja perlu diubah dan produktiviti perlu dipertingkat bagi membentuk kerja berpasukan yang kolektif. Usaha mempromosi UPM supaya lebih terserlah dalam peta dunia mesti dipergiat.

Bahagian Komunikasi Korporat mesti mendepani usaha ini dengan lebih produktif dan kreatif melalui media-media cetak dan elektronik. Laman web kita perlu sentiasa dikemas kini dan dipadatkan dengan pencapaian-pencapaian yang diperoleh. Satu Jawatankuasa akan dibentuk bagi memastikan laman web universiti dikemas kini secara efektif dan produktif.

Universiti Penyelidikan bereputasi antarabangsa mesti senantiasa menjadi indikator dalam penyampaian perkhidmatan kita. Universiti Putra Malaysia akan mengalami transformasi sepenuhnya dengan wajah dan jiwa baru. Kewujudan Serdang hari ini dan masa depan akan berubah dengan budaya yang melengkapi kriteria

Universiti Penyelidikan. Transformasi ini tentu akan mencorak dimensi baru Serdang yang bakal menjadi penjana dan pemangkin pencapaian wawasan negara. Serdang mesti tidak lagi dilihat sebagai universiti biasa yang bersifat tempatan tetapi jauh ke hadapan dalam arena antarabangsa.



A screenshot of the official website of Universiti Putra Malaysia (UPM). The header features the UPM logo and the tagline "With Knowledge We Serve". Below the header, there is a banner with several people. The main menu includes "Introduction", "History", "Contact", and "Select Language". A large section titled "Why UPM?" highlights various aspects of the university, such as its international network, facilities, achievements, comprehensive development programmes, distinguished faculties, research institutes, and student development programmes. There are also sections for "Interesting Facts" and "Facilities". On the right side, there are several small images showing students and faculty members. At the bottom, there is contact information: "Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia" and "Tel: 603-89460000".

Kita perlu insaf dan sedar bahawa usaha ini bukan mudah. Kita bukan lagi perlu mencipta kejayaan tetapi turut menguruskan kejayaan. Pengurusan kejayaan di sesebuah universiti seharusnya dilengkapi dengan memenuhi semua dimensi universiti ini dengan pencapaian yang cemerlang dan membanggakan. Pengajaran dan pembelajaran kita mesti cemerlang, penyelidikan dan hasil penyelidikan kita mesti cemerlang, penyampaian perkhidmatan kita mesti cemerlang, peranan dan tanggungjawab kita juga perlu dilaksanakan dengan cemerlang sehingga pada akhirnya kita menjadi Universiti Penyelidikan bereputasi antarabangsa yang gemilang.

Akhir sekali, saya percaya bahawa tahun 2007 akan membawa perubahan yang besar kepada Universiti Putra Malaysia. Perubahan ini menuntut kepada anjakan paradigma secara kolektif dan bersepudu. Kita tidak lagi boleh alpa dan sekadar bertemasya dengan pencapaian sedia ada tetapi usaha penambahbaikan perlu dilipatgandakan dari semasa ke semasa. Hakikat pengajian menara gading yang bukan statik ini perlu diterjemahkan dengan tepat supaya kita boleh mendepani pesaing-pesaing kita yang lain. Saya penuh yakin dan optimis bahawa kita akan berupaya mendokong harapan dan aspirasi ini. Kita perlu bersama dengan kerja berpasukan yang mantap, mensasarkan pada objektif dan haluan yang sama.

Selamat Tahun Baru 2007 dan
Salam Maal Hijrah 1428.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.







Putra Gemilang

Universiti Putra Malaysia
Gedung ilmu menara budi
Di sinilah berhimpun warga siswa
Menjunjung amanat BERILMU BERBAKTI

Teguh setia mengisi harapan
Insan bertaqwa penunjang peribadi
Berpadu tenaga mencapai kejayaan
Sehati sejiwa berhemah tinggi

KORUS

*Universiti Putra Malaysia
Pembina wawasan gemilang
Universiti Putra Malaysia
Pembentuk siswa cemerlang*

Semarak namamu di sinar zaman
Semerbak namamu di suara sanjungan
Penyumbang bakti ke anak bangsa
Pewaris sejati negara tercinta

Di damai desa di permai kota
Tersemat citramu semegah kenangan
Di darjah bangsa di daulat negara
Tersurat jasamu menjana kemajuan.

Lirik : Dharmawijaya
Lagu: Ahmad Nawab